

21 JUL 2001

Mahathir-Koperasi

PM MAHU KOPERASI REBUT PELUANG SEMASA EKONOMI PULIH

PETALING JAYA, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dalam keadaan ekonomi negara yang sedang pulih koperasi-koperasi di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) perlu lebih peka dan cekap dalam menghidu sebarang kesempatan yang tersedia.

Beliau berkata ini bagi membolehkan koperasi tidak ketinggalan dalam arus perdana bagi merebut, mengecap dan menikmati keistimewaan tersebut daripada terlepas ke tangan orang asing.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke-79 dan sambutan ulang tahun ke-30 Angkasa di Auditorium Angkasa, Wisma Ungku A. Aziz di Kelana Jaya di sini.

Dr Mahathir berkata sempena Hari Koperasi Antarabangsa ini, koperasi harus sama-sama bertekad dan beriltizam untuk bersaing menempa kejayaan yang lebih gemilang.

"Semoga gerakan koperasi di negara ini terus mampu bertahan sekali gus berupaya menghadapi pelbagai rintangan di zaman serba mencabar ini," katanya.

Dr Mahathir berkata perayaan Hari Koperasi Antarabangsa tahun ini memang amat bermakna bukan sahaja kepada koperasi-koperasi malah juga kepada badan induk itu sendiri.

"Usia seperti ini benar-benar memberi kematangan dan kekuatan kepada Angkasa untuk meneruskan perjuangannya memartabatkan gerakan koperasi di negara kita. Kesannya gerakan koperasi di Malaysia bukan sahaja telah diakui di peringkat nasional tetapi juga terus diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai badan induk gerakan koperasi yang diamanahkan membangun dan memantapkan sosio-ekonomi koperasi, Angkasa telah berjaya memainkan peranan berkenaan dengan berkesan dan sekali gus menaikkan imej gerakan koperasi di negara ini.

-- BERNAMA

RV KHY RHM